

Masalah keganasan rumah tangga Hukuman lebih berat dikaji

B/H
(5/4/2000)

Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Selasa – Kerajaan akan meneliti kelemahan Akta Keganasan Rumah Tangga dan bersedia memperkukuhkannya termasuk memperuntukkan hukuman lebih berat bagi mengatasi masalah keganasan rumah tangga.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata kes keganasan rumah tangga masih banyak berlaku dan keadaan ini harus ditangani dengan lebih berkesan.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri, berkata keganasan rumah tangga tidak sepatutnya berlaku dan perlu dihapuskan.

“Kejadian ini masih banyak lagi berlaku dan kalau lebih 5,000 kes setahun ini bermakna situasi adalah buruk.

“Jika didapati ada kelonggaran kita perlu perketatkan...kita perlu memastikan hukuman adalah berat,” katanya kepada pemberita selepas melancarkan Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia di sini hari ini.

Hadir sama, isteri beliau Datin Seri Endon Mahmood, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz, Timbalan

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Abdul Jalil dan Pengasas yayasan itu, Senator Datuk Nor Azah Awin dan Pemegang Amanahnya Datuk Napsiah Omar.

Terdahulu dalam ucapannya, Abdullah berkata pada 1997 iaitu tahun pertama pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga, bilangan kes keganasan rumah tangga melonjak kepada 5,799 berbanding 1,409 kes pada 1995. Tahun lalu 3,806 kes dilaporkan.

“Selain mengkaji undang-undang dan meningkatkan hukuman, keluarga perlu dididik supaya sentiasa memupuk kasih sayang,” katanya.

Abdullah yang menyentuh pelbagai aspek kebajikan dan hak wanita, mencadangkan supaya dibentuk panel peguam syariah wanita untuk membantu wanita menuntut keadilan di Mahkamah Syariah.

Katanya, beliau sedar ramai wanita menghadapi kesukaran untuk menuntut keadilan terutamanya dalam kes gantung tidak bertali dengan pihak mahkamah sering menasihatkan wanita terbabit supaya bersabar.

“Yang penting keadilan itu diberikan kepada mereka yang minta diadili,” katanya.

Abdullah juga menyelar pihak tertentu yang menuntut supaya jenayah keji seperti rogol, dimasukkan dalam kategori kesalahan zina dan menyifatkan tindakan itu sebagai diskriminasi melampau terhadap wanita.

Katanya, rogol dan zina adalah dua jenayah yang berbeza kerana rogol membabitkan paksaan dan seksaan manakala zina membabitkan kuasa memilih atau kehormatan sendiri.

Abdullah berkata, kerajaan sentiasa berusaha membasmi diskriminasi terhadap wanita dan ini terbukti dengan dasar kerajaan memberi peluang yang sama kepada kakitangan wanita dalam sektor perkhidmatan awam.

Katanya, lebih ramai pegawai wanita kini dilantik mengetuai jabatan kerajaan dan arah aliran yang sama juga boleh dilihat berlaku dalam sektor swasta.

“Menurut Laporan Pembangunan Manusia 1999 yang disediakan Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP), Malaysia adalah negara Is-

lam yang termaju dari segi penyertaan wanita dalam tenaga kerja negara.

“Dalam bidang profesional dan pekerja teknikal golongan wanita mengisi 43 peratus jawatan daripada jumlah keseluruhan dan bilangan ini lebih tinggi berbanding negara seperti Indonesia Turki dan Mesir,” katanya.

Abdullah turut menyelar parti politik tertentu yang terus mendiskriminasi wanita dengan tidak memilih mereka sebagai calon pilihan raya walaupun parti berkenaan sentiasa melancarkan slogan keadilan untuk semua.

“Kita serah kepada wanita untuk menilai sendiri pihak berkenaan,” katanya.

Yayasan Pembangunan Wanita Malaysia yang ditubuhkan pada Mac 1998 adalah badan bukan kerajaan yang didaftarkan sebagai syarikat berhad dan diurus oleh badan eksekutif pemegang amanah.

Ia berfungsi bagi menggalang tabung dana daripada pelbagai sumber untuk membiayai aktiviti memajukan golongan wanita seperti ibu tunggal.